

# Kerajaan diminta selesaikan tuntutan Filipina ke atas Sabah

UM 5 APR 2001

KUALA LUMPUR 4 April — Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (PBS-Keningau) yang membangkitkan isu tuntutan Filipina terhadap Sabah di Dewan Rakyat hari ini menggesa kerajaan segera menyelesaikan isu tersebut demi masa depan negara.

Beliau berkata, rundingan antara kerajaan Malaysia dan Filipina berhubung tuntutan itu bermula sejak 1963 tetapi masih belum ada tanda penyelesaian.

“Apakah rundingan ini akan berterusan selamalamanya?” soalnya ketika membahaskan usul Rancangan Rangka Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) di Dewan Rakyat, hari ini.

Menurut Presiden Parti Bersatu Sabah itu, isu tuntutan Sabah semakin hangat diperkatakan menerusi laman web [www.sandakan.com](http://www.sandakan.com) dan menunjukkan kerajaan Fi-

lipina masih serius meneruskan usaha memiliki negeri berkenaan.

Katanya, walaupun laporan akhbar memetik kenyataan seorang pegawai kerajaan Filipina bahawa negara itu tidak berniat menimbulkan semula isu tuntutan itu, sehingga kini tiada kenyataan rasmi dibuat mengenainya.

Beliau berkata, kebanyakan pendatang tanpa izin Filipina di Sabah semakin sukar dikawal, malah, ada di antara mereka berjaya mendapatkan kad pengenalan dan mendaftar sebagai pengundi.

Tegas Pairin, jika keadaan itu berterusan dan diburukkan lagi dengan ancaman dalam laman web berkenaan yang mendakwa usaha menghantar 10 juta rakyat negara itu ke Sabah sedang giat dijalankan, masa depan Sabah tidak lagi terjamin.

“Mengapa kerajaan seolah-olah tidak serius menyelesaikan isu ini secepat mungkin, adakah kami ini bukan warga negara Malaysia. Kalau mereka benar-benar menghantar jutaan rakyat Filipina ke sini, apa kami boleh buat?” soalnya lagi.

Beliau turut meminta kerajaan supaya mengambil tindakan mengubah kedudukan peta yang merujuk Sabah sebagai sebahagian daripada Filipina kerana ia tidak menggambarkan kedudukan negeri itu yang sebenarnya.

Pairin berkata, jumlah pendatang tanpa izin di Sabah semakin meningkat dan RRJP3 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, semalam langsung tidak menyentuh isu tersebut.

Katanya, isu pendatang tanpa izin perlu dipandang

serius oleh semua pihak kerana ia berkaitan keselamatan, ketenteraman dan kedaulatan negara.

Sementara itu, Datuk Shahnon Ahmad (Pas-Sik) mencadangkan kepada kerajaan supaya menjadikan etika kerja profesional Islam sebagai tonggak RRJP3.

Katanya, etika kerja berdasarkan Barat dan dicampur aduk dengan Dasar Pandang ke Timur dan sedikit unsur Islam ternyata telah gagal melahirkan masyarakat yang berkualiti.

Tegas beliau, pegangan yang tidak menentu itu juga menyebabkan timbul pelbagai fenomena negatif termasuk penyisihan etnik dan sikap materialistik yang menyebabkan masyarakat menjadi lebih parah.